

Mahkamah beri 14 hari daftar MUDA

Menteri Dalam Negeri, RoS turut diperintah bayar kos RM10,000

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam, memerintahkan Menteri Dalam Negeri supaya mendaftarkan Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) sebagai sebuah parti politik dalam tempoh 14 hari.

Hakim Datuk Noorin Badaruddin membuat keputusan itu, selepas membenarkan permohonan semakan kehakiman difailkan Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan 12 individu lain, mencabar keputusan Menteri Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) menolak rayuan mereka

mendaftarkan MUDA sebagai sebuah parti politik.

Perkara itu dimaklumkan peguam, Lim Wei Jiet yang mewakili Syed Saddiq dan 12 yang lain, ketika sidang media selepas pengumuman keputusan itu.

Wei Jiet berkata, dalam penghakimannya, Mahkamah Tinggi menyifatkan alasan menolak pendaftaran MUDA, iaitu prejudis kepada keselamatan negara adalah tidak berasas.

“Mahkamah mengarahkan Menteri Dalam Negeri mendaftarkan MUDA dalam tempoh 14 hari. Mahkamah turut memerintahkan Menteri Dalam Negeri dan RoS membayar kos RM10,000 kepada MUDA,” katanya.

Wei Jiet yang juga Naib Presiden MUDA berkata, pihaknya berterima kasih kepada mahkamah atas keputusan itu dan berharap kerajaan tidak akan merayu, sebaliknya membenarkan MUDA didaftarkan, agar demokrasi dan perjuangan anak muda di Malaysia dapat diteruskan.

Peguam Persekutuan, Moham-

mad Sallehuddin Ali, yang mewakili menteri berkenaan dan RoS selaku responden dalam prosiding berkenaan, ketika dihubungi media mengesahkan keputusan mahkamah itu.

Pada 21 September lalu, Syed Saddiq serta 12 individu selaku pemohon, memperoleh kebenaran mahkamah untuk memulakan semakan kehakiman terbabit bagi mencabar keputusan itu.

Syed Saddiq dan 12 individu itu memohon suatu deklarasi bahawa permohonan untuk mendaftarkan MUDA sebagai sebuah pertubuhan di bawah kategori parti politik adalah teratur dan mematuhi segala keperluan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Mereka juga memohon suatu perintah mandamus untuk kedua-dua responden mendaftarkan MUDA sebagai sebuah pertubuhan dalam kategori pertubuhan politik dalam masa 14 hari dari tarikh perintah.

Selain itu, mereka memohon perintah ganti rugi teruk dan teladan yang akan dinilai, kebeba-



Syed Saddiq bersama ahli MUDA tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)

san untuk memohon serta segala relif, arahan dan perintah yang diperlukan seperti mana difikirkan adil oleh mahkamah.

Pada 18 Ogos lalu, MUDA menarik balik permohonan semakan kehakiman sebelum ini yang mencabar tindakan Menteri Dalam Negeri dan RoS yang belum membuat keputusan terhadap rayuan MUDA untuk mendaftarkan parti berkenaan atas alasan ia menjadi akademik kerana pada 12 Ogos lalu, Menteri Dalam Negeri membuat keputusan berhubung rayuan itu dengan menolak per-

ohonan terbabit. Mereka kemudian memfailkan permohonan baru di mahkamah pada 24 Ogos lalu.

Sementara itu, Syed Saddiq yang juga Presiden MUDA, menyifatkan keputusan mahkamah bukan kemenangan kepada pihaknya semata-mata, sebaliknya kepada sistem demokrasi negara.

Beliau berkata, kini MUDA yang mempunyai lebih 50,000 ahli, ada tempat untuk menyuarakan pendapat, kritikan dan pandangan untuk membangunkan negara.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (61181D-U)



PROGRAM PENGURUSAN DAN KETAHANAN KEWANGAN (URUS)

Dua (2) pilihan pakej disediakan iaitu :

Pilihan 1 : Pengecualian keuntungan selama tiga (3) bulan

Pilihan 2 : Program Bantuan Bayaran Pembiayaan

Pengecualian keuntungan selama tiga (3) bulan; dan :

Pengurangan bayaran bulanan sehingga dua (2) tahun

Program ini adalah usahasama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan semua institusi kewangan. Untuk memohon sila layari <http://urus.agrobank.com.my>

*Terlakuk kepada termo dan syarat



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut

Terbuka kepada pelanggan dari kumpulan B50, iaitu mereka yang:-

- ✓ Mengalami kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50%.
- ✓ Mempunyai pendapatan isi rumah kasar tidak melebihi RM5,880.00.
- ✓ Telah pun berada di bawah program bantuan bayaran pembiayaan sedia ada (Bantuan Bayaran Bersasar, PEMERKASA Plus, PEMULIH, penjadualan dan penstrukturkan semula oleh pihak bank dan sebagainya) setakat 30 September 2021.
- ✓ Mempunyai pembiayaan yang tidak tertunggak melebih sembilan puluh (90) hari pada tarikh permohonan dibuat.

